

HARGA MINYAK

SUSUT DI BAWAH PARAS AS\$60 SATU TONG

BH 17/12/14 MS 2

» Kali pertama sejak 7 Julai 2009 susulan bimbang isu lebih bekalan

Oleh Che Wan Badrul Alias
chewan@bh.com.my

Harga minyak mentah global, Brent susut di bawah paras AS\$60 satu tong semalam, kali pertama sejak 7 Julai 2009 susulan kebimbangan mengenai isu lebih bekalan.

Turut menyumbang kepada penyusutan semalam adalah kejutan pasaran susulan laporan penurunan statistik pengeluaran perkilangan China serta kegawatan ekonomi Russia.

Ini menyaksikan Bank Pusat Russia menaikkan kadar faedahnya kepada 17 peratus dalam usaha menyokong nilai mata wang yang terjejas teruk.

Dalam pada itu, penganalisis komoditi global menjangka harga minyak mentah dunia akan meneruskan aliran penurunannya ke paras terendah AS\$40 satu tong, jika tiada langkah menstabilkan harga menerusi pengurangan kuota pengeluaran anggota Pertubuhan Negara Pengeksport Petroleum (OPEC).

Jika berterusan, krisis kejatuhan harga minyak itu bakal memberi tekanan kepada ekonomi banyak negara, khususnya ahli Majlis Kerjasama Negara-Negara Teluk (GCC) yang sebahagian besar sumber pendapatan kerajaannya dijana sektor minyak dan gas.

INFO

Pergerakan harga minyak mentah (2008 - 2014)



Ketua Rangkaian Penyelidikan Tenaga, Warwick Business School, University of Warwick, Profesor David Elmes, berkata kebimbangan yang sama akan turut dirasai oleh negara yang bergantung kepada pendapatan minyak dan gas (O&G).

Tekanan ekonomi

Katanya, negara seperti Russia, Venezuela dan Nigeria dijangka berdepan tekanan ekonomi dan kini timbul persoalan baharu sejauh manakah negara yang bergantung kepada sumber pendapatan O&G mampu bertahan jika harga bahan api itu terus berada di bawah AS\$70.

“Negara OPEC tidak akan mengurangkan

pengeluaran mereka dalam tempoh jangka pendek. Jadi, ia akan memberi kesan kepada syarikat yang mula membatalkan atau menangguhkan pelaburan pengeluaran mereka untuk masa depan,” katanya dalam emel kepada BH di Kuala Lumpur, semalam.

Ketua Ahli Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd, Mohd Afzanizam Abdul Rashid berkata, ketika ini kebimbangan utama adalah terhadap pengurangan mendadak yang berlaku dalam pelaburan swasta ekoran sentimen negatif serta kos modal yang tinggi. **● Bisnes B2**

“**Walaupun pendapatan kerajaan melalui sektor O&G dijangka turut terjejas** berikutan kurangnya sumbangan pendapatan daripada industri itu, ekonomi Malaysia diunjurkan kekal stabil berikutan kesan penjimatan subsidi minyak dan pelaksanaan GST yang mengukuhkan asas pendapatan kerajaan”

Mohd Afzanizam Abdul Rashid,
Ketua Ahli Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd

